

# berita pkink

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

BIL 3/2007

Julai - Sept. J. Akhir - Ramadan 1428

www.pkink.gov.my

Edaran Percuma



KDYMM Al-Sultan Kelantan dan DYMM Raja Perempuan Kelantan di Majlis Pelancaran Emas Dinar Keputeraan.

## KDYMM TUANKU AL-SULTAN KELANTAN LANCAR EMAS DINAR KEPUTERAAN

**K**erajaan Negeri Kelantan melalui Permodalan Kelantan Berhad, syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah melancarkan Emas Dinar Kenang-Kenangan sempena Ulang Tahun Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan Ke-57 pada 15 Rejab 1428/30 Julai 2007 yang lalu.

Majlis Pelancaran Emas Dinar Keputeraan tersebut telah disempurnakan oleh KDYMM Tuanku Al-Sultan Kelantan, Sultan Ismail Petra Ibni AL-Marhum Sultan Yahya Petra. Turut berangkat ke majlis pelancaran tersebut ialah DYMM Raja Perempuan Kelantan. Hadir sama ialah Menteri Besar Kelantan, Timbalan Menteri Kelantan, Anggota Exco Kerajaan Negeri, Speaker Dewan Negeri Kelantan dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.

Sementara itu, Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam ucapannya berkata, sejak Emas Dinar Kelantan dilancarkan pada 20 September 2006 nilai yang dibeli orang ramai berjumlah lebih RM600,000. "Ini menggambarkan masa depan dinar dan dirham begitu cerah sekali dan lebih berjaya sekiranya diperluaskan ke peringkat antarabangsa," katanya.

Bersempena dengan pelancaran tersebut, satu seminar dinar dirham turut diadakan pada sebelah pagi bertempat di Dewan Besar

Balai Islam Lundang. Dua kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar tersebut iaitu 'Dinar Dirham Pemangkin Daulah Islam' oleh Puan Hajjah Nik Mahani bt Mohamad dan 'Sejarah, Falsafah & Beberapa Perspektif Hukum Syarak Terhadap Persoalan Dinar Emas' oleh Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad, Timbalan Mufti Kelantan.

Seminar tersebut dihadiri oleh kira-kira 2,000 orang peserta yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan Negeri, para imam seluruh Kelantan, pegawai dakwah halaqat, penghulu dan pelajar sekolah Yayasan Islam Kelantan. Seminar yang berakhir pada tengahari tersebut telah dirasmikan oleh Exco Kerajaan Negeri, Dato' Husam Musa. Untuk edisi ini sebanyak 228 keping Emas Dinar Keputeraan yang bernilai 2 dinar bagi setiap satu telah ditempa secara terhad dengan beratnya adalah 8.5 gram dan mutu emas 91.7% emas tulen. Muka depan emas dinar ini memaparkan lambang Kerajaan Negeri Kelantan sementara muka belakang tertera tulisan emas dinar Kelantan dalam tulisan khat kufi dan ayat Ulangtahun Hari Keputeraan Sultan Kelantan 2007.

Hampir kesemua dinar tersebut telah dibeli secara tender di mana hasil jualan akan diderma kepada mana-mana badan kebajikan yang akan ditentukan sendiri oleh Tuanku Al-Sultan.



KDYMM Al-Sultan Kelantan melancarkan Emas Dinar Keputeraan



YB Dato' Hj. Mohamed Shukri b. Mohamad Timb. Mufti Kelantan menyampaikan kertaskerjanya.



Puan Hajjah Nik Mahani bt Mohamad menyampaikan kertaskerjanya.

# Sidang Editor

## PENAUNG

YABrs. Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh

## PENASIHAT

YBrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

## KETUA EDITOR

YBrs. Mohd Fauzi Hj. Taib

## EDITOR

En. Mohd Roslan Mohd Zain

## PENOLONG EDITOR

YM. Tengku Petra Tengku Wook

## PENGARANG

Pn. Sofia Aizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

Pn. Hawa M. Salleh

En. Wan Azizan Wan Yaacob

## JURUFOTO

YM. Tengku Petra Tengku Wook

Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN  
SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri  
Kelantan

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,  
Jalan Tengku Maharani,  
Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu, Kelantan  
[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)

tel: 09-7414141 fax: 09-7414140

Dicetak Oleh

PERCETAKAN ZULRAHIM  
SDN. BHD.

Lot 1811, Bangunan KPKB,  
Paya Rambai, Jalan Bayam,  
15200 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel : 019-9976513, 013-9438881



## Dari Meja Ketua Editor

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadirat Allah kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bertemu lagi dalam Berita PKINK Bilangan 3 2007.

Saya ingin mengajak semua anggota kumpulan PKINK supaya sama-sama kita merenung kepada satu perkara yang perlu diberi keutamaan dan amat penting bagi sesebuah organisasi iaitu mengenai *pembentukan akhlak mulia* di kalangan individu dalam organisasi kumpulan PKINK. Ia merupakan satu perkara yang penting dalam usaha kita melahirkan seorang individu pekerja yang amanah, jujur, bertanggungjawab, berperibadi unggul dan mempunyai nilai etika Islam.

Untuk membina dan membentuk akhlak mulia, ia mestilah melalui pembentukan rohani individu. Pembentukan rohani ini bermaksud pembentukan diri individu melalui beberapa cara iaitu pendidikan iman, latihan, nasihat dan bimbingan dan yang paling utama ialah mengambil Rasulullah S.A.W sebagai contoh. Iman adalah asas kepada akhlak Islam. Tidak akan sempurna iman seseorang jika tidak disertai oleh akhlak yang baik. Intisari akhlak Islam ialah empat sifat terpuji Rasulullah S.A.W itu sendiri iaitu siddiq (benar), amanah, fatanah (bijaksana) dan tabligh (menyampaikan). Selain itu, akhlak yang baik ialah sabar, merendahkan diri (tawadhu') dan menjaga hubungan baik sesama manusia.

Saya membawa perkara ini sebagai satu perkara yang amat penting dan amat perlu bagi kita sama-sama mengambil berat dan perhatian yang sewajarnya kerana ia adalah cerminan gerak laku dan tindakan kita dalam menjalankan tugas kita seharian di pejabat. Akhlak ini penting kerana ia merupakan gambaran kepada gaya dan tindakan yang dilakukan oleh setiap anggota PKINK. Akhlak mulia dengan asas iman inilah yang akan menghindarkan diri kita dari sebarang salahlaku, penyelewengan, pecah amanah, rasuah, mencuri masa dan sebagainya.

Dalam hubungkait antara soal pembentukan akhlak mulia dan muhasabah diri, beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dan kesungguhan dalam menjalankan tugas ialah:

- ✓ Menanamkan sikap iltizam dengan peraturan Allah dan peraturan organisasi.
- ✓ Menghindar diri daripada perbuatan menipu dan main-main dalam tugas
- ✓ Menjaga harta pejabat, tidak rasuah, menipu dan pecah amanah serta salahguna kuasa
- ✓ Menjaga dan menepati masa, tidak curi tulang dan tidak lewat datang bekerja (pengurusan masa berkesan)
- ✓ Tidak membazir dalam menggunakan peralatan selagi masih boleh digunakan dan sentiasa berjimat cermat dalam semua keadaan. (namun berjimat cermat tidaklah membawa kepada kedekut dalam membelanjakan kepada perkara yang perlu)

Langkah ini juga akan melahirkan nilai etika kerja yang mantap dan diamalkan serta diintegrasikan dalam semua aktiviti dan tugas seharian di pejabat. Pembentukan akhlak mulia dan penghayatan nilai etika perlu menjadi garis panduan untuk seseorang individu bagi menjamin semua tindak tanduk pekerja itu dapat menghasilkan kejayaan dan kecemerlangan yang mutlak dan berpanjangan.

Kita bekerja kerana menunaikan amanah dan tanggungjawab. Kita bertanggungjawab bukan sahaja kepada organisasi PKINK, terhadap Kerajaan dan rakyat, tetapi kita perlu sedar bahawa tugas dan pekerjaan kita adalah amanah dan tanggungjawab yang lebih besar iaitu terhadap Allah S.W.T. Oleh yang demikian, setiap tugas dan tanggungjawab mestilah disempurnakan untuk menepati semangat pengabdian sepenuhnya kepada Allah S.W.T.

Inilah konsep yang perlu dihayati dan diamalkan iaitu kerja kita di PKINK ialah sebagai suatu ibadah yang sudah tentu dihisab dan dihitung sebagaimana semua amalan dan segala perbuatan kita di dunia ini.

Marilah sama-sama kita berazam dan bertekad untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin bagi memastikan negara dan negeri kita, organisasi kita dan agama kita dapat dibangunkan dengan asas taqwa kepada Allah S.W.T. Wallahu'alam.



YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar merasmikan Majlis Pecah Tanah Perumahan PKINK Jeli

## MB Rasmi Pecah Tanah Perumahan PKINK Jeli

**J**eli, 12 Julai – Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan melancarkan projek perumahan terbaru di Jajahan Jeli pada 12 Julai lalu. Majlis pecah tanah pelancaran projek perumahan PKINK Jeli tersebut telah dirasmikan oleh YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah anggota exco Kerajaan Negeri Kelantan, Ketua Jajahan Jeli dan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Projek Perumahan PKINK Jeli merupakan projek pembangunan rumah kediaman oleh kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan melalui anak syarikat, Binaraya PKINK Sdn. Bhd. Ia merupakan projek perumahan pertama yang dilancarkan oleh PKINK di Jajahan Jeli bagi menyediakan kemudahan kediaman kos sederhana yang mampu dimiliki oleh rakyat di jajahan Jeli.

Buat permulaan, projek fasa 1A akan melibatkan pembinaan sebanyak 80 unit rumah teres 1 tingkat kos sederhana dengan harga jualan bermula dari RM80,000 seunit dengan nilai jualan jangka berjumlah RM6.557 juta. Projek ini akan dilaksanakan di atas tanah seluas 20.861 ekar bersebelahan dengan Padang Istiadat Jeli. Ia terletak berhampiran jalan raya utama yang menghubungkan Bandar Jeli dengan

Dabong dan Gua Musang.

Komponen keseluruhan cadangan projek perumahan ini merangkumi sebanyak 302 lot dengan pecahan berikut:-

- 120 unit Rumah Teres 1 Tingkat (kos sederhana)
- 85 unit Rumah Teres 1 Tingkat (kos sederhana tinggi)
- 84 unit Rumah Teres 2 Tingkat
- 13 Rumah Kedai 2 Tingkat

Dalam ucapan aluannya, Ketua Eksekutif PKINK yakin bahawa projek ini akan mendatangkan banyak manfaat kepada masyarakat dan penduduk di Jajahan Jeli serta dapat memenuhi permintaan dan keperluan rakyat jajahan ini terhadap kediaman yang lengkap dan selesa. Menurut beliau lagi, Binaraya PKINK akan memajukan fasa seterusnya secara berperingkat-peringkat di atas tanah yang sedia ada ini, di samping akan terus giat mengenalpasti lokasi baru bagi projek pembangunan hartanah di masa hadapan.

Sementara itu, Menteri Besar dalam ucapannya berkata, adalah menjadi hasrat dan dasar Kerajaan Negeri melalui anak syarikat PKINK menyediakan ruang kediaman atau

perumahan mampu milik yang selesa dan harga berpatutan untuk semua golongan rakyat Kelantan terutama bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Katanya, rumah adalah lambang status sosial seseorang dalam masyarakat. Ia merupakan maruah, harta dan tempat perlindungan bagi seseorang dan keluarga. Nilai ini bertepatan dengan ajaran Islam kerana menurut Islam, tempat kediaman atau perlindungan adalah satu perkara penting dalam kehidupan manusia. Menurut Menteri Besar lagi, rumah yang baik dan selesa akan membolehkan mereka menjaga aurat dan batasan pergaulan sesama ahli keluarga, keselesaan beribadat dan sebagainya".





Seminar dirasmikan oleh YB Hj. Zulkifli Mamat Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia


## BENGKEL "START YOUR OWN BUSINESS" TECHNOPRENEUR ACADEMY PROGRAM PERINGKAT NEGERI KELANTAN

**B**ahagian Pembangunan Usahawan PKINK dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) dan Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDEC) telah menganjurkan Bengkel "Start Your Own Business" Technopreneur Academy Program Peringkat Negeri Kelantan pada 1 - 6 September 2007 bertempat di Hotel Perdana, Kota Bharu. Program ini bertujuan untuk melahirkan dan membangunkan usahawan pendedahan peringkat bengkel dan peringkat incubator.

Seminar selama 6 hari tersebut telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di mana seramai 44 orang peserta terdiri dari mereka yang telah menceburi bidang ICT dan siswazah lepasan IT. Sepanjang pengajaran kursus, para peserta telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya bagi menjayakan program-program yang disusun.

Bagi menjayakan seminar ini beberapa orang pakar dalam bidang ICT, Encik Hussein Dawoed dari SMI Ventures Partners Sdn Bhd dan Encik Farid Ahmad dari Innovasia telah diundang sebagai penceramah.

Kertas kerja dan ceramah-ceramah yang disampaikan adalah tertumpu kepada usaha-usaha memberi pendedahan dan peluang-peluang perniagaan khusus dalam bidang ICT



Sebahagian peserta

sebagaimana berikut:

- o Idea Innovation
- o Entrepreneur Mindset MSC Clusters
- o Accounting & Finance
- o Business Idea Articulation
- o Business Set-Up
- o Business Documentation

**P**rogram Gerak Usahawan, Showcase Usahawan dan Showcase SDSI Peringkat Negeri Kelantan 2007 yang berlangsung di perkarangan Stadium Sultan Muhd ke IV pada 16 - 19 Ogos 2007 telah berjaya memberi pendedahan kepada masyarakat berkenaan kerjaya sebagai usahawan dan seterusnya membuka banyak peluang perniagaan.

Pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) beserta agensi-agensinya di bawahnya seperti MARA, PKINK, Jabatan Pembangunan Koperasi, SME Bank, Bank Rakyat dan TEKUN telah berganding bahu bagi memastikan program Gerak Usahawan terbesar tahun 2007 ini berjalan lancar dan seterusnya berjaya mencapai sasaran utama penganjurannya iaitu mendedahkan peranan serta



Hj. Hashim Abdullah TKSU MeCD merasmikan program tersebut.

## GERAK USAHAWAN, SHOWCASE USAHAWAN & SHOWCASE SDSI KELANTAN 2007

tanggungjawab MeCD dan agensi-agensinya. Penganjurannya tiga program utama pembangunan keusahawanan secara serentak ini telah memberi impak yang besar dengan kehadiran pengunjung yang sentiasa memenuhi gerai-gerai jualan dan pameran yang terdiri dari 19 buah gerai agensi-agensi MeCD, 38 gerai usahawan dan 10 gerai usahawan Satu Daerah Satu Industri (SDSI)

Sepanjang 4 hari tersebut, selain daripada pameran/jualan produk usahawan tempatan yang bermula seawal pukul 9.00 pagi sehingga 12.00 malam, pelbagai aktiviti serta persembahan telah disusun bagi menceriakan suasana seperti persembahan rebana ubi, kertok, dikir barat, salam pantai timur, seloka bersahut bersama RTM, persembahan wayang kulit moden, dikir laba, pertandingan mewarna kanak-kanak dan juga persembahan kebudayaan. Pihak urusetia juga telah menganjurkan Seminar Keusahawanan, Bengkel Business Matching dan Seminar Pembangunan Peruncitan yang mana penyertaannya dibuka kepada usahawan dan juga pengunjung-pengunjung yang berminat.

Tuan Haji Hashim bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha MeCD telah merasmikan program ini. Sebelum itu Tuan Haji Hashim telah melawat tapak kilang Siap Bina di Pengkalan Chepa dan juga projek pembangunan Terminal Ikan di Tok Bali (TIBA). Projek TIBA telah siap sepenuhnya bagi fasa 1, manakala fasa 2 hampir siap. Di sana Rombongan telah diberi taklimat mengenai perkembangan pembangunan projek Tok Bali.



Hj. Hashim dan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK melawat projek TIBA Tok Bali



Antara jemputan yang hadir semasa perasmian program tersebut.



# PERSIDANGAN ANTARABANGSA EKONOMI DINAR EMAS



Dinar Antarabangsa. Kaunter Ar-Rahn2

**I**nstitut Kajian Strategik dan Penyelidikan Kelantan (KRISS) dengan sokongan Kerajaan Negeri Kelantan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Ekonomi Dinar Emas bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 25 dan 26 Julai lalu. Permodalan Kelantan Berhad (PKB) anak syarikat milik penuh PKINK terlibat secara langsung dalam menjayakan persidangan tersebut.

Persidangan tersebut bertemakan 'Pelan Induk Ummah' dan dikendalikan oleh konsultan Marslio International. Objektif utama persidangan tersebut ialah untuk mempromosikan dinar emas sebagai penyelesaian praktikal ekonomi terutamanya krisis ekonomi semasa yang berpunca dari pengaruh



Pembentang Kertas Dinar Antarabangsa. Dari kiri Dr. Rosli Yaakop, Umar Ibrahim Vadillo & Thomas H. Greco Jr.

penggunaan matawang fiat. Di samping itu, ia bertujuan untuk mempopularkan ekonomi dinar emas di kalangan masyarakat dan negara serta meraih penerimaan dan sokongan kepada ekonomi dinar emas.

Persidangan ini telah dihadiri oleh beberapa orang tokoh pemikir Islam

yang telah membentangkan kertas kerja masing-masing. Antaranya ialah Umar Ibrahim Vadillo, Sheikh Imran N.Hosein, Tarek el-Diwani dan Prof. Masudul Alam Choudhury. Tun Dr Mahathir Mohamad telah menyampaikan ucapan pada persidangan tersebut.

Persidangan selama dua hari tersebut telah membincangkan beberapa topik penting mengenai ekonomi dinar emas dan praktikal penggunaan dinar dalam sistem kewangan. Salah satu kertas yang dibentangkan dalam persidangan tersebut ialah pengalaman Kelantan dalam penggunaan dinar emas yang dikendalikan oleh Permodalan Kelantan Berhad melalui Ar-Rahn.

# HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN NEGERI KELANTAN 2007

Sebahagian  
binatang ternakan  
di pameran PPN  
negeri Kelantan  
2007



Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat diberi penerangan produk keluaran sawit semasa lawatan di gerai PKINK

**P**KINK tidak ketinggalan menyertai pameran sempena hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan 2007 (PPN negeri Kelantan 2007) yang bermula pada 2 Ogos hingga 7 Ogos 2007, bertempat di Dewan Jubli Perak MPKB-BRI.

Sebanyak 24 gerai pameran disediakan untuk berbagai agensi dan 3 gerai pameran pertandingan hasil-hasil pertanian. Selain gerai pameran pihak penganjur juga memperuntukan 20 gerai untuk pameran dan jualan ternakan hidup serta 5 gerai untuk pameran jentera. Sepanjang tempoh pameran pihak penganjur juga telah mengadakan acara kuiz, dimana setiap gerai telah bersetuju menyediakan 2 hadiah bagi tujuan tersebut.

PKINK mempamerkan aktiviti-aktiviti perladangan seperti tanaman kelapa sawit, getah, dusun buah-buah, produk keluaran rosselle dan pembangunan terminal ikan Tok Bali. Pameran PPN negeri Kelantan 2007 telah dirasmikan oleh Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada 2 Ogos 2007.

## LAWATAN KESPA MECD KE PKINK

**K**ota Bharu, 6 September 2007 Kelab Sukan dan Sosial Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KESPA MECD) telah mengadakan kunjungan ke PKINK sempena Kejohanan Bolatampar Pantai anjuran MAKWIP di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan pada 7-8 September 2007.

Rombongan tersebut seramai 50 orang terdiri dari anggota MECD yang terlibat dalam kejohanan tersebut dalam acara bolatampar pantai dan bolasepak pantai. Rombongan tersebut di sambut oleh Unit Hal Ehwal Korporat Sumber Manusia PKINK dan Ahli Jawatankuasa KSK PKINK. Rombongan mengikuti taklimat mengenai PKINK yang disampaikan oleh Puan Nik Farzimar Nik Omar, Pemangku Pengurus Bahagian Perancangan Korporat.

Manakala pada 8 September 2007, rombongan telah diraikan oleh KSK PKINK dalam satu majlis makan malam di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan. Rombongan telah dirai oleh Tuan Haji Wan Adnan Wan Abdul Kadir Timbalan Ketua Eksekutif HEK yang juga merupakan Yang Dipertua KSK PKINK. Turut serta Tuan Haji Nik Mohd Kamal Nik Yusoff, Setiausaha Kehormat KSK PKINK dan beberapa orang Ahli Jawatankuasa Induk KSK PKINK.

Rombongan berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pagi 8 september 2007.



Nik Mohd Kamal Setiausaha Kehormat KSK PKINK bertukar cenderahati dengan Ketua Kontinjen KESPA MECD



Rombongan mengikuti taklimat PKINK

## TAZKIRAH



**OLEH  
ISMAIL SYAUKI IBRAHIM  
PAGI 29 JULAI 2007**

**S**udah menjadi kelaziman manusia suka membela binatang sebagai binatang peliharaan untuk memenuhi masa lapang. Satu hari seorang kawan saya yang bela ikan kalui telah menangkap ikan tersebut dan dimasukkan ke dalam balang, kamudiannya balang tersebut diisi dengan oksigen yang secukupnya dan di bawa naik kapal terbang ke Kuala Lumpur. Kemudian ia dibawa melawat Menara KLCC, Menara Kuala Lumpur, Eye Of Malaysia dan sebagainya. Sebelah petangnya ia dibawa balik dan dilepaskan semula ke dalam perigi. Maka bertanyalah sahabat ikan kalui tersebut,

"kemanakan kamu telah pergi selama satu hari tak nampak". Jawab ikan kalui, "aku telah pergi ke Kuala Lumpur dengan kapalterbang dan telah tengok bermacam-macam bangunan di Kuala Lumpur".

Maka berkatalah sahabat ikan kalui tersebut, "kamu adalah seekor ikan yang mana 5 saat sahaja tanpa air, kamu akan mati". Sehingga kini berkatalah ikan-ikan tersebut bahawa ikan kalui telah gila dan macam-macam istilah lagi.

Begitulah yang berlaku 1428 tahun dahulu apabila Rasulullah berkata bahawa beliau telah di Israk oleh Allah SWT dari Kota Mekah ke Baitul Maqdis dan seterusnya ke langit berjumpa Allah SWT dan balik semula waktu subuh. Maka beliau telah ditertawa dan diejek serta dianggap gila oleh penduduk Kota Mekah waktu itu. Hanya satu insan yang bernama Saidina Abu Bakar As yang mengiakan dan berkata jika lebih daripada itu beliau tetap akan percaya.

Hari ini merupakan hari ke 14 bulan Rejab, bulan Allah SWT menjanjikan bermacam-macam ganjaran jika berbuat amal kebajikan. Disini hanya tiga perkara sahaja yang akan diketengahkan, iaitu tiga perkara jika kita hanya melihat sahaja sudah menjadi ibadat:

- i. Melihat Kaabah. Dengan kita berada di Malaysia peluang untuk melihat Kaabah agar sukar, kalau dapat pun sekali seumur hidup, atau paling kerap pun sekali setahun.
- ii. Lihat al-Quran. Hanya dengan melihat sahaja sudah dikira beribadat, apatah lagi jika membaca serta memahami isi kandungan dan beramal dengannya.
- iii. Melihat muka ibu. Disini kita semua mempunyai ibu, oleh itu berbuat baik kepada kedua orang tua. Jika ada peluang peliharalah dia diketika usia tuanya, selalulah berdoa untuk kesejahteraan mereka baik ketika hidup ataupun mati. Ziarahilah selalu kedua ibubapa.

**P**etikan Hadis; Pergunalah kesempatan 5 perkara sebelum datangnya yang lima; waktu hidup sebelum datang mati, waktu sihat sebelum waktu sakit, waktu lapang sebelum waktu sempit, waktu muda sebelum datang waktu tua dan waktu kaya sebelum datang waktu miskin merupakan muqadimmah tazkirah yang disampaikan oleh En Amran Ahmad, Penolong Pengurus Perancangan Korporat PKINK pada 9 September 2007.

Di kesempatan itu beliau telah menyeru agar sama-sama dapat digunakan usia kita kearah kebaikan dan amal untuk akhirat, melakukan kebajikan baik dipejabat mahupun dengan masyarakat.

Persediaan menghadapi hari tua sudah semestinya adalah apa yang telah dilaksanakan semasa muda. Diantara saranan yang disentuh adalah supaya kesempatan muda digunakan untuk mengumpul harta melalui rezeki yang halal, mengumpul ilmu yang direzhai Allah, berkahwin, memantapkan kerjaya, menunaikan tanggungjawab mendidik anak-anak dan melakukan pelaburan untuk akhirat melalui amal jariah. Tabungan untuk menunaikan fardhu Haji adalah

semestinya ada dikalangan kita, agar dapat menunaikan fardhu haji diusia yang muda.

Beliau turut mengambil kesempatan mengalu-alukan kesemua hadirin agar bersedekah untuk tabung Surau Tingkat 6 dan menjadikannya

## Persediaan Menghadapi Hari Tua AMRAN AHMAD

sebagai satu amalan yang insyaAllah mendapat pahala yang berterusan.

Beliau menutup tazkirah dengan menyeru agar setiap daripada kita terus berusaha untuk memanfaatkan masa kita yang singkat di bumi Allah ini.



**Ustaz Fuad**

## QIAMULLAIL ANJURAN KSK PKINK

**K**elab Sukan dan Kebajikan PKINK melalui Biro Kebajikan dan Dakwah telah menganjurkan program Qiamullail untuk ahli-ahlinya pada 26 Rejab 1428H bersamaan 10 Ogos 2007 bertempat di Surau Tingkat 6, Bangunan PKINK.

Program bermula dengan Solat Maghrib Berjemaah dan diikuti dengan Kuliah Maghrib. Selepas Solat Isyak berjemaah peserta di beri taklimat ringkas Qiamullail. Peserta bebas untuk pulang ke rumah masing-masing ataupun lena di Surau sementara menunggu waktu program bermula jam 3.45 pagi. Kehadiran ahli-ahli agak menggalakkan dimana seramai 31 ahli telah hadir sejak dari waktu maghrib lagi sehingga program selesai selepas tazkirah Subuh. Ustaz Fuad dari Pondok Pasir Tumbuh sekali lagi dijemput untuk mengetuai program Qiamullail dan juga menyampaikan tazkirah Maghrib dan Subuh.



**T**azkirah oleh En Hishammuddin Hussein, Penolong Pengurus Perancangan Korporat membentangkan isu Melayu Islam yang lemah dalam bidang sains ekonomi dan kepelbagaian jenis bidang lagi. Antara sebabnya adalah mereka lebih suka berdebat dan berfalsafah dalam perkara ranting yang tidak berfaedah daripada meningkatkan usaha memperkukuhkan ekonomi.

Diambil iktibar dari cerita orang yang saling membunuh menggunakan pedang masing-masing. Yang membunuh dimasukkan ke neraka dan orang yang dibunuh juga akan turut dimasukkan ke neraka. Bertanya kepada Rasulullah, baginda menjawab "Yang tertuduh juga masuk ke neraka kerana dia terlalu berkeinginan untuk membunuh rakannya".

Berhubung dengan perkara ini Sheikh Hassan dalam Buku "Kerugian Dunia Kerana Kemunduran Umat Islam" dipetik

"Sayang sekali kaum muslimin tidak mensyukuri nikmat Allah. Berabad-abad lamanya umat Islam membuang waktu dan tenaga berbincang berhubung dengan perkara yang tidak bermanfaat. Sekiranya fokus diberi kepada ilmu yang menguntungkan bagi umat muslim sudah tentu kedudukan mereka tidaklah seburuk itu".

Konteks Melayu muslim sekarang banyak membicarakan hal orang, berfikir negatif, bersangka buruk, bangga diri, kata mengata, dengki, ego dan sebagainya kerana kita lupa akan firman Allah yang bermaksud



## PERJUANGAN EKONOMI ISLAM SEJAGAT

Hishamuddin Hussein

*"Kamu adalah sebaik-baik ummah. Kamu menyuruh berbuat kebaikan dan melarang berbuat kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah"*

Al-Imran Ayat 110.

Di ambang 50 tahun kemerdekaan kita dapat lihat sejauh mana perkembangan ekonomi Islam. Untuk melihat Islam berjaya dalam ekonomi, dalam perkembangan bisnes berbentuk globalisasi kita perlukan penguasaan ilmu, politik dan sebagainya. Baru lah kelak kita tidak bergantung kepada bangsa lain.

Hadis riwayat At-Thobrani menyatakan;

*Kesengsaraan yang paling sengsara adalah miskin di dunia dan disiksa di akhirat."*

Oleh itu, kita hendaklah kuat dalam ekonomi kerana tanpa harta umat Islam tidak mampu menjadi umat yang terbaik di dunia mahupun akhirat. Hendaklah kita bersikap lebih matang dan professional dalam menjalankan perniagaan cara Islam menjadi umat dan ummah yang kuat.

Puisi "Melayu Mudah Lupa", patut diambil iktibar dan menghayati dengan sesungguhnya akan Surah Al-Asr yang diamalkan.

"Demi masa sesungguhnya manusia itu di dalam kerugian kecuali mereka yang beriman dan beramal soleh dan berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran"

**R**usli Ismail Penolong Pengurus Pembangunan Usahawan pada 23 September 2007 memulakan tazkiranya dengan petikan Iman Al-Ghazali di dalam mengupas mengenai tahap puasa seseorang itu. Iman Al-Ghazali telah membahagikan puasa kepada tiga tingkatan, iaitu:

**Puasa yang Umum** ialah dengan cara menahan diri dari makan dan minum, menjaga kemaluan dari memenuhi syahwat di siang hari dan lain-lain perkara yang boleh membatalkan puasa. Biasanya dilakukan oleh orang awam di mana anggota zahir dan batin tidak dikawal dari terjebak dengan maksiat.

**Puasa yang khusus (Baik)** ialah dengan cara sebagaimana di atas dan ditambah dengan memelihara pendengaran, penglihatan, percakapan, perbuatan dari melakukan dosa. Mereka tidak melakukan maksiat zahir dan berupaya mengawal pancainderanya tetapi masih tidak dapat mengawal maksiat batin (hati).

**Puasa Khususul Khusus** termasuk semua yang di atas dan ditambah dengan puasanya batin (hati). Ianya ditahan hati dari perhatian-perhatian yang rendah, pemikiran keduniaan semata-mata. Dengan ibarat lain ialah memalingkan diri secara keseluruhannya dari segala sesuatu selain dari Allah s.w.t. Inilah tingkatan puasa para nabi, siddiqin dan muqarrabin.

Dari itu marilah sama-sama kita muhasabah diri, dimana tingkat puasa kita, adakah puasa hari ini lebih dari kelmarin, atau puasa tahun ini lebih baik dari tahun lepas, dan sekiranya tidak



## PERUBAHAN KE ARAH KEBAIKAN

Rusli Ismail

berubah, itu menandakan kita tidak berubah. Sedangkan kita perlu sentiasa berubah, berubah ke arah yang lebih baik dari masa kesemasa, baik hal-hal keduniaan wapun akhirat. Misalnya tahun lepas kita berpuasa di tingkat puasa umum, tahun ini cuba tingkatkan darjat puasa kita agar menjadi lebih baik, ke arah puasa yang khusus, biar itu menjadi target kita. Kalau dulu kita berada di grad N41, tahun ini biarlah lulus PTK agar dapat N44 ataupun anjakan. Begitulah seterusnya kita mestilah berubah kearah yang lebih baik dari hari kehari, bulan kebulan dan tahun ketahun.

Kenapa kita terlalu sukar untuk berubah?. Di sini ada tiga faktor utama kenapa kita tidak berubah, dan janganlah ia menjadi halangan kepada kita untuk berubah;

1. Seseorang itu tidak berubah, kerana faktor di sekelilingnya tidak berubah. Jadi dia berfikir apa perlu aku berubah, sedangkan rakan-rakan aku tidak berubah
2. Memang ada hasrat dan cita-cita untuk berubah, tetapi tidak ada kekuatan dalaman. Keluar pagi dari rumah dengan hasrat untuk berubah, tetapi bila sampai di pejabat, kembali kepada tabiat lama.
3. Hasrat untuk berubah ada, faktor sekeliling pun dapat membantu ke arah perubahan, tetapi diri tidak ada ilmu, tak tahu di mana dan bagaimana harus memulakannya. Orang seperti ini perlu kepada bimbingan rakan-rakan ataupun jabatan/majikan.

*Semua Amal Perbadaman Khas Negeri Mengucap*



Che Alias Ali  
PEMANDU



Ramla Salleh  
JURUTEKNIK



Nisah Mat  
PEMB. TADBIR



Teh Mariam Muhammed  
PEN. PEGAWAI TADBIR



Saifuddin Mohammad  
PEN. PEGAWAI PERTANIAN



Hjh. Azizah Mustapha  
PEN. AKAUNTAN



Che Ab. Aziz Che Abdullah  
PEMANDU



Rosbi Ab. Razak  
PEMB. TADBIR



Nik Noorazita Ab. Jalil  
PEMB. TADBIR



Rabiah Mamat  
PEN. AKAUNTAN



Amran Ahmad  
PEN. PENGURUS PERANCANGAN KORPORAT



Mohd Shah Abdul Kadir  
PEN. PENGURUS PROJEK & HARTANAH



Hishamuddin Hussein  
PEN. PENGURUS PERANCANGAN KORPORAT



Mohd Adlan Mat Jus  
PEG. KHAS KEPADA KETUA EKSEKUTIF



Ab. Rahman Sulaiman  
PEMANDU



Remli Hussein  
PEMB. TADBIR



Nik Ab. Kadir Nik Hussain  
OPERATOR KOMPUTER



Hawa M. Saleh  
PEN. PEG. SISTEM MAKLUMAT



Ahlaami Ab. Halim  
PEN. PENGURUS PERUNDANGAN



Datin Hjh. Rosnelli Kundor  
PENGURUS KEWANGAN



Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir  
TIMB. KETUA EKSEKUTIF (HEK)



Hj. Wan Yahya Wan Salleh  
KETUA EKSEKUTIF



Mat Zeh Daud  
PEMANDU



Siti Esah Idris  
PEMB. TADBIR



Mohd Ghazali Mahmood  
PEMB. TADBIR



Azila Arifin  
PEN. PEGAWAI TADBIR



Mohd Roslan Md. Zain  
PEN. PENGURUS SUMBER MANUSIA



Hj. Mohd Razali Deraman  
PENGURUS AUDIT & NAZIRAN



Rosdi Yaakob  
PEMANDU



Siti Jahinah Ya'cob  
PEMB. TADBIR



Anizam Ab. Rahman  
PEMB. TADBIR



Wan Azizan Wan Yakob  
PEN. PEGAWAI TADBIR



Ridzuan Sidek  
PEN. PENGURUS MIS



Hj. Nik Md. Kamal Nik Yusoff  
PENGURUS MIS

*Selamat Hari Raya*



Zahri Jusoh  
JAGA



Zaili Sidik  
PEMB. TADBIR



Che Mas Mat Daham  
PEMB. TADBIR



Nik Ayub Nik Him  
PEN. PEGAWAI TADBIR



Nor Auzan Salleh  
PEN. PENGURUS AUDIT DAN NAZIRAN



Mohd Fauzi Hj. Taib  
PENGURUS SUMBER MANUSIA



Nik Farzimar Nik Omar  
PENGURUS PERANCANGAN KORPORAT



Mohamed Ism  
PENGURUS PROJEK & HARTANAH



Shafie Ismail  
JAGA



Sofia Aizan Che Soh  
PEMB. TADBIR



Ahmad Che Soh  
JURUTEKNIK



Tengku Petra Tg. Wook  
PEN. PEGAWAI TADBIR



Tengku Noor Azian  
Tengku Ismail  
PEN. PEG. SISTEM MAKLUMAT



Ahmad Faizol Ab. Aziz  
PEN. AKAUNTAN



Jasni Yusoff  
PEMB. TADBIR



Mohd Asiff Mohd  
PEMB. TADBIR



Radzali Hussain  
JAGA



Wan Zuwaibah Wan Isa  
PEMB. TADBIR



Che Ab. Rahim Che Yusoff  
P. JAGA JENTERA LETRIK



Siti Khadijah Omar  
PEMB. TADBIR



Mat Jali Mat Junus  
PEMB. TADBIR



Abdullah Che Hussin  
JURUREKNIK



Aziz Mahmud  
PEMB. TADBIR



Rusli Ismail  
PEMB. TADBIR



Mohd Asri Ismail  
JURUTEKNIK



Nor Azimah Mat Noor  
PEMB. TADBIR



Hilmiyatu Dhauiyah Ibrahim  
PEMB. TADBIR



Che Mohd Khan Yusoff  
JURUTEKNIK



Nor Asiah Wan Isma'ail  
PEMB. TADBIR



Wan Hassan Wan Omar  
JURUTEKNIK

*gata  
majuan  
kelantan*



Mat Hazmi Ibrahim  
PEMBANTU TEKNIK



Che Rahi Che Pa  
PEMBANTU TEKNIK



Rumelah Abdullah  
PEMBANTU TEKNIK



Norlela Abdullah  
PEMB. TADBIR



Noorha Mohd Zain  
PEMB. TADBIR



Ab. Aziz Ibrahlim  
PELUKIS PELAN  
RENDAH



Tuan Seman Ku  
Muda  
PEMBANTU AM  
RENDAH



Ahmad Nazri Ismail  
PEN. PENGURUS  
PROJEK KHAS



Rusli Ismail  
PEN. PENGURUS  
PEMB. USAHAWAN



Asmadi Abd. Rahman  
PEN. PENGURUS  
PEMB. USAHAWAN



Mahdi Che Muda  
PEMBANTU TEKNIK



Mohd Zali Mat  
PEMB. TADBIR



Noorliza Ghazali  
PEMB. TADBIR



Mohammad Che Ismail  
OPERATOR  
PEMROSESAN DATA



Nik Yahya Nik Mat  
PEMBANTU AM  
RENDAH



Hj. Abas Salleh  
TIMB. KETUA EKSEKUTIF  
(P&P)



Hj. Zainal Ab. Rahman  
PENGURUS  
KHIDMAT TEKNIKAL



Tuan Muhd Faizal  
Tuan Sulaiman  
PEN. PENGURUS  
SUMBER MANUSIA



Wan Haliza Wan Ali  
PEN. AKAUNTAN



Nik Anisah Ariffin  
PEMB. TADBIR



Azmah Yusoff  
PEMB. TADBIR



Wan Asri Wan Nawang  
OPERATOR  
PEMROSESAN DATA



Azmi Mohd Daud  
PEMBANTU AM  
RENDAH



Hj. Mohamad Alwi Ya  
PENGURUS  
PEMB. USAHAWAN



Ahmad Hilmi Md. Nawawi  
PEN. PENGURUS PROJEK &  
HARTANAH



Mohd Adnan Jaafar  
PEN. PEGAWAI  
TADBIR



Mokhtar Hassan  
PEMB. TADBIR



Hasnah Ahmad  
PEMB. TADBIR



Mat Leh Seman  
PEMBANTU AM  
RENDAH



Zaidin Mustapa  
PEMBANTU AM  
RENDAH



Hj. Baharuddin Harun  
PENGURUS  
GALAKAN INDUSTRI & IKS



Nik Amalina Nik Ab.  
Aziz  
PEN. PENGURUS  
PROJEK & HARTANAH



Rasdi Hassan  
PEN. PEGAWAI  
TADBIR



Mohmed Segri Abas  
JURUTEKNIK



Norliza Ab. Razak  
PEMB. TADBIR



Razali Ismail  
PEMBANTU AM  
RENDAH



Norhisham Mustapha  
PEMBANTU AM RENDAH



Jumodi Abdullah  
PENGURUS  
PROJEK KHAS



Hj. Md. Sanusi Ismail  
PENGURUS  
PERDAGANGAN  
ANTARABANGSA



Ismail Shauki Ibrahim  
PEN. PENGURUS  
PERANCANGAN  
KORPORAT



Mohd Ramli Hamzah  
PEN. PEGAWAI TADBIR



Mohd Zainu Yaacob  
JURUTEKNIK



Surina Ab. Ghani  
PEMB. TADBIR



Mohd Noor Yusof  
PEMBANTU AM  
RENDAH



Mohd Tamrin Ismail  
PEMBANTU AM  
RENDAH



Tuan Nazri Tuan Man  
PEN. PEG. PERANCANG  
BANDAR DAN DESA



Mohd Johan Mohd Nasir  
PEN. AKAUNTAN



Zainul Amin Mat Zin  
PEN. AKAUNTAN



Mohd Rozi Mohd Noor  
PEN. PEGAWAI  
TADBIR



Mazlan Md. Ragam  
JURUTEKNIK



Mohd Kamarudin Mohd  
Zin  
PEMB. TADBIR



Che Mustapha Wan Omar  
PEMBANTU AM  
RENDAH



Ab. Hafiz Ikmal  
Hassan  
PEMBANTU AM  
RENDAH



Malek Sidek  
JURUTEKNIK



Sabariah Ibrahim  
PEMB. TADBIR



Siti Bidah Harun  
PEMB. TADBIR



Hj. Azman Hassan  
PEMB. TADBIR



Hashim Yaacob  
JURUTEKNIK



Mohd Noor Mat  
Yaman  
PEMB. TADBIR



Syamimi Izzati  
Shaari  
PEMB. TADBIR  
RENDAH



Azmi Mohamed  
JURUTEKNIK



Zakiah Mohamed  
PEMB. TADBIR



Rahmat Hassan  
JURUTEKNIK



Ab. Rahman Mat  
JURUTEKNIK



Norzaidha Mohd  
Nor



Mohd Khairie Ishak  
JURUTEKNIK

**D**alam keghairahan kita melawat saudara yang sakit ada kalanya kita lupa akan adab-adabnya sehingga niat yang baik pada awalnya hanya menyusahkan orang yang sakit dan bukan sebaliknya. Datin Rosneli Kundor selaku Pengurus Kewangan menyampaikan tazkirah beliau pada 2 September 2007.

Islam mengajar tatacara hidup bermasyarakat dari semua aspek bermula dari permulaan hidup hinggalah apabila menghadapi kematian. Adab menziarah orang sakit adalah antara tatacara yang terbaik untuk diamalkan. Hukum ziarah adalah sunat yang amat dituntut dan sebaiknya ia dilakukan pada hari Jumaat.

Apabila menziarahi orang sakit, hendaklah ketahui bahawa ianya merupakan sunat muakad (sunat yang amat dituntut) dan mengingatkan kita kepada mati. Janganlah kita terlalu lama di sisi pesakit dan ucapkan perkataan yang menggembirakan hatinya. Mendoakan keafiatan, bertanyakan kesihatan pesakit pada saudara terdekat bukan kepada pesakit, duduk dibahagian kepala pesakit, bertutur dengan perkataan yang menyedapkan hati pesakit, menyedarkan pesakit tentang dosanya jika ada serta membaca ayat-ayat Al

Quran disisinya adalah antara adab-adab yang di senaraikan.

Manakala untuk menziarahi pesakit yang nazak, kita disarankan agar memperbanyakkan beristigfar, bertaubat dan mengingati Allah. Pesakit hendaklah dibaringkan di atas rusuk kanan menghadap kiblat sambil diajar kalimah tauhid dengan lembut dan tidak mendesak. Menenangkan keresahannya, menyampaikan janji gembira di akhirat kelak, menyuruhnya bersangka baik pada Allah, tuntutan memulangkan hak juga diantara yang sesuai kita lakukan. Sunat menitiskan air di bibir pesakit yang nazak serta basahkan mukanya dan dibaca surah yasin agar rohnya mudah untuk keluar.

Ziarah menziarahi dari masa kesemasa atau khusus ketika saudara dalam kesusahan amat dituntut dan menjanjikan ganjaran yang besar di dunia dan akhirat, asalkan ianya dilakukan kerana Allah swt. Perlakuan ziarah kelak mampu untuk memperbaiki persaudaraan, meringankan bebanan perasaan dan meringankan tanggungan hamba dan keluarga yang diziarah selain daripada ianya menginsafkan diri pelawat. Sebagaimana hadis Rasulullah S.A.W. yang bermaksud;



## ZIARAH SAUDARA YANG SAKIT

Datin Rosneli Kundor

*"Barang siapa menziarahi kerana Allah semata-mata; maka diseru kepada nya; bahagialah anda dan bahagialah perjalanan anda, anda telah menempah tempat di syurga..."*

Lawatilah sahabat anda walaupun dia tidak pernah melawat anda dan berikanlah sahabat anda hadiah walaupun dia tidak pernah memberikan hadiah kepada anda. Sehingga disarankan kita meminta orang sakit untuk turut mendoakan kita kerana doa orang sakit mudah diperkenan.

**B**erkongsi ilmu yang diperturunkan oleh nindanya, Puan Nik Farzimar Nik Omar, Pemangku Pengurus Perancangan Korporat, telah menyuarakan supaya mengamalkan sekurang-kurangnya 4 surah setiap hari yaitu Yassin, Ar-Rahman, Al-Waqi'ah dan Al-Mulk.

Menarik perhatian



## Siapa HEBAT

Nik Farzimar Nik Omar

beliau dari surah Al-waqi'ah; adalah Allah mencabar manusia-manusia yang berasa diri mereka hebat hinggalah mereka lalai bahawa kehebatan itu adalah kurniaan dari Allah swt dan ianya bersikap sementara sedangkan balasan dan ganjaran yang kekal adalah diakhirat kelak. (Ayat 63 dan 68). Kehebatan yang Allah beri kepada manusia dalam pelbagai bentuk seperti pangkat, kuasa, ilmu dan sebagainya, jika lalai manusia akan alpa dengan kelebihan tersebut malah ada yang menyalahgunakannya.

Kuasa yang dimaksudkan tidak bermakna pangkat yang tinggi. Walau sebagai anggota polis trafik sekalipun, ia mempunyai kuasa untuk menentukan siapa yang akan disaman. Begitu juga sebagai pegawai yang melulus mempunyai kuasa untuk menghalangi hak pemohon. Hak tetap hak dan menganiaya sesama manusia adalah perbuatan haram. Justeru

apabila kita mempunyai sesuatu kuasa, hendaklah dilaksanakan kuasa itu untuk menegakkan sesuatu keadilan bukan untuk kepentingan peribadi dan tidak cenderung kepada orang yang kita suka tetapi berpegang kuat kepada etika kerja yang sebenar-benarnya.

Kehebatan ilmu dunia yang Allah kurniakan juga boleh membuat manusia itu lalai. Ilmu yang ada janganlah disembunyi hanya kerana tidak mahu berkongsi atau takut diberi tugas lebih. Suka diperingatkan bahawa sikap puashati mampu menyebabkan manusia merasakan dirinya hebat dan menjadi bongkak. Malahan kita perlu ingat bahawa apabila Allah memberi nikmat pada hambanya walaupun ia derhaka. Allah telah mengist'rajkan orang itu, yang mana pemberian itu tidak diredhaiNya. Oleh yang demikian jangan lah kita merasa kita akan hebat selama-lamanya.

Tazkirah ditutup dengan ayat terakhir Al-Waqi'ah ; "Maka bertasbihlah dan sucikan dengan nama Tuhanmu yang Maha Besar"

**B**ersempena dengan bulan Rejab di mana satu malam iaitu 27 Rejab, Nor Azuwan Salleh Penolong Pengurus Audit dan Naziran telah membaca satu ayat daripada Surah Al-Israt Ayat 1 yang bermaksud:

*"Maha suci Allah yang memperjalankan hambaNya (Nabi Muhammad) pada satu malam dari Masjid Haram ke Masjid Aqsa yang kami berkati sekelilingnya untuk kami perlihatkan kepadaNya tanda-tanda kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat"*

Ayat ini menerangkan kepada kita satu peristiwa



## TINGKATKAN SOLAT

Nor Azuwan Salleh

yang dinamakan Israk Mikraj, dimana Nabi Muhammad SAW telah diperjalankan dari bumi ke langit berjumpa dengan Rabbul Jalil untuk menerima satu ibadah yang agung, iaitu ibadat Solat yang akan mencegah kita dari perkara-perkara keji dan mungkar sepertimana firman Allah yang bermaksud;

*"Bacalah wahai Muhammad akan apa yang diturunkan daripada kitab Al-Quran, dan dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu mencegah daripada melakukan perkara-perkara keji dan mungkar"*

Surah Al Ankabut ayat: 45

Tapi kenapa masih ramai yang mendirikan solat tetapi kekal melakukan perkara-perkara keji dan mungkar. Ada hadis-hadis Nabi yang menjelaskan bahawa tidak semua solat itu berperanan mencegah daripada melakukan perkara-perkara keji dan mungkar, kerana solat itu ada banyak tingkat.

### Tingkat pertama: Solatul Jahilin

Solat orang-orang yang jahil. Sekadar tahu rakaat solat tetapi tidak tahu rukun dan sunat dalam solat dan tidak tahu fadhilat solat. Hadis Nabi yang bermaksud;

*"Berapa ramai orang yang mendirikan solat, adapun habuannya hanyalah penat dan letih sahaja kerana mereka itu lalai dalam solatnya"*

### Tingkat kedua: Solatul A'diyiin

Solat orang kebanyakan. Tahu baca tapi tidak tahu makna dan tidak faham. Solat sebegini termasuk dalam golongan sepertimana hadis Nabi yang bermaksud;

*"Sesiapa yang mengerjakan solatnya tapi solat itu tak mampu mencegah perkara-perkara keji dan mungkar, maka tidaklah pertambahan daripada Allah melainkan dijauhkan daripada rahmat Allah"*

### Tingkat ketiga: Solatul Arifiin

Solat orang-orang faham, orang-orang alim. Dia tahu apa itu solat, tahu fadhilat solat, tahu makna bacaan dalam solat dan memahaminya. Dalam keadaan ini solat tersebut mampu untuk menghapuskan dosa-dosa kecil, sebagaimana hadis Nabi yang bermaksud;

*"Solat fardhu yang lima dan Solat Jumaat hingga Jumaat satu lagi dilakukan dengan sempurna, akan terhapuslah dosa-dosa yang berlaku diantaranya"*

### Tingkat keempat: Solatul Khosyiin

Solat orang yang khusyuk. Mereka yang boleh mencapai tahap khusyuk ini akan merasa keseronokan dan kelazatan dalam mengerjakan solat. Khusyuk itu boleh diertikan sebagai pengagungan terhadap tuhan, ikhlas dalam perkataan, kesempurnaan dalam keyakinan dan memberi sepenuh perhatian. Maka solat pada tahap inilah yang mampu berperanan mencegah daripada melakukan perkara-perkara keji dan mungkar. Firman Allah dalam surah Al-Mukminin ayat 1 yang bermaksud;

*"Telah berjayalah orang-orang yang beriman iaitu orang yang khusyuk dalam sembahyang."*

### Tingkat kelima: Solatul Muhsiniin

Inilah tingkat solat yang terbaik. Bagi sesiapa yang mencapai tahap solat yang keempat di atas, akan merasai mudah untuk mencapai Solatul Muhsiniin ini dimana dia akan mencapai satu tahap atau darjat kurniaan Allah iaitu samada Majjuubat, Mauunat atau Karamat. Hadis Nabi yang bermaksud;

*"Sembahlah Allah seolah-olah kita lihat Allah walaupun kita tak mampu lihat Allah tapi letaklah keyakinan bahawa Allah sentiasa melihat kita"*

Semua anggota diseru sama-sama tanamkan satu perasaan keseronokan dan kelazatan di dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita.

Info  
IT

## Tips Emel

**S**aat mula-mula menggunakan emel tentu seronok, khususnya apabila dapat menulis kepada rakan, menghantar gambar dan sebagainya. Walaubagaimanapun, penggunaan emel sekarang telah menjadi bukan sekadar satu keseronokan malahan ianya menjadi satu keperluan dan nadi sesuatu organisasi. Menurut laporan Wall Street Journal orang akan menghabiskan masa 3-4 jam sehari kelak untuk kerja-kerja menguruskan emel.

Adalah baik sekiranya pengguna emel dapat mematuhi beberapa *professional standards* berhubung dengan pengurusan emel. Emel sebaiknya adalah ringkas, tepat, ejaan dan tata bahasa serta tanda bacaan yang betul. Emel kita adalah imej organisasi dan diri kita. Meminimalkan satu isu untuk satu emel akan memudahkan penerima.

Tahukah anda bahawa kita perlu menggunakan *sentence case apabila menggunakan emel*. MENGGUNAKAN KESEMUA HURUF BESAR MEMPAMERKAN SEOLAH-OLAH KITA SEDANG MENJERIT. Kesemua huruf kecil pula akan menampakkan kita malas. Untuk pengkhususan kita gunakan asteriks, underline, huruf bold atau font lain. Jangan terlalu pelbagaikan warna atau grafik. Nanti jadi macam warna-warna Malaysia pulak!

## TAZKIRAH



**T**azkirah yang disampaikan oleh Nik Amalina Nik Abd Aziz, Penolong Pengurus Bahagian Projek dan Hartanah berkisar mengenai penjagaan aurat, tabiat merokok dan hubungan di kalangan anggota PKINK.

Dalam permasalahan aurat kaum hawa khususnya, hendaklah dilihat dengan secara mendalam untuk kita tahu akan hala tuju ke arah mendapat keredhaan Ilahi. Masalah banyak timbul apabila nikmat ciptaan Ilahi disalahgunakan lebih-lebih lagi oleh wanita itu sendiri dalam perhubungan semasa. Sebagaimana Allah menghias langit dengan awan dan malam dengan bulan dan bintang; wanita dihiasi dengan kecantikan paras rupa dan akal yang sempurna. Keindahan anugerah ilahi hendaklah dihiasi dengan akhlak yang mulia dan tuntutan menutup aurat adalah sebagai perisai untuk memelihara peribadi. Perhiasan setiap wanita pula adalah budi perkerti yang mulia dan terpuji. Memelihara maruah dan mempertahankan syariat. Oleh yang demikian untuk berpakaian menutup aurat adalah pilihan terbaik.

Seorang ketua keluarga dari kaum adam yang baik, menjaga dan memelihara tingkah lakunya. Tingkah laku yang dipraktikkan

## KESEFAHAMAN MEMBAWA KEBAHAGIAN

Nik Amalina Nik Abdul Aziz

sepanjang masa bersama keluarga akan menjadi tauladan khusus bagi isi keluarga dalam banyak hal. Aura kepimpinan atau kewibawaan sahsiah akan menurun sekiranya sering menunjukkan dan menggambarkan sikapnya yang agak teruk seperti merokok dihadapan ahli keluarga. Lebih memburukan lagi dihadapan anak remaja yang tahu tentang hukum merokok. Ketua yang baik pekerjanya sentiasa diberi petunjuk rahmat dan perliharan Allah setiap masa dan akan jauh dari rahmatNya kerana meremehkan hukum hakam.

Antara kedua kaum adam dan hawa ada satu ikatan yang sah yang dinamakan perkahwinan dan diberi peringatan jauhilah dari gejala yang merosakan yakni perhubungan haram antara lelaki dan wanita. Ianya haram dan amat haram disisi Allah dan akan mendapat azab yang pedih di akhirat nanti.

Turut diselitikan adalah tips penjagaan keharmonian rumahtangga dimana dalam proses mengharungi sesebuah jalinan, kita sebenarnya dalam proses memahami dan mempelajari tentang cinta, kasih sayang

dan peranan. Niat saling melengkapi, bertolak ansur perlu dipupuk agar tumbuh subur dengan kasih sayang dan hormat menghormati dan sama-sama menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran. Jangan sesekali mengharapkan kesempurnaan dari pasangan tetapi cukup sekadar mencari pasangan yang bercirikan muslim dan sayang kepada rumahtangga yang dibina.

*Kebaikannya disyukuri dan kekurangannya diredhai.*

Rumahtangga tidak perlu goyang hanya kerana permasalahan, malahan yang patut dilakukan adalah tabahkan hati menjalani hidup ini dan tekadkan hati kembali kepada Tuhan yang mendengar segala rintihan. Realiti bahawa perjuangan dalam Islam tidak pernah menjanjikan kekayaan hendaklah diterapkan dalam rumahtangga. Hanya ketabahan iman dan saling memahami dapat menyelamatkan keadaan kerana matlamat sebenar adalah ganjaran di akhirat.

*Dihari air pasang; cinta memainkan peranan. Dihari air surut; tanggungjawab dan kematangan mengambil alih.*

Mengakhiri tazkirah, beliau menyarankan jabatan supaya mewujudkan etika berpakaian yang lebih sempurna serta menghadkan tabiat aktiviti sosial merokok antara pengurusan dan anggota. Beliau menyeru agar sama-samalah saling berazam untuk tidak berasa jemu melayari alam rumahtangga kita dan sentiasa memperbaiki diri agar rumahtangga sentiasa dalam keadaan sejahtera.


Semuga mendapat manfaat dari apa yang disampaikan.

## Melangkah Ke Suntingan Video.

**K**e arah peningkatan kemahiran melalui satu proses pembelajaran; satu kursus asas suntingan dan penerbitan video telah diadakan di makmal komputer PKINK pada 14 hingga 16 Ogos 2007 yang lalu, anjuran bersama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Sistem Pengurusan Maklumat. En Johan Ariff Ismail dari Digimarc Network selaku fasilitator sesi tersebut telah berjaya mengendalikan kursus tersebut lengkap dengan teori, hands-on di samping tips-tips yang berguna dalam seni foto dan audio.

Melalui tugas yang diberi para peserta berpeluang untuk melalui sendiri pahit getir kerja-kerja yang patut dilakukan dalam sesuatu suntingan atau projek. Susah rupanya! Namun berbekalkan semangat serta minat yang mendalam peserta berjaya menghasilkan satu tugas yang diberi. Walaupun kecil, namun ianya amat bernilai bagi mereka.

Keseluruhannya maklumbalas yang positif dari peserta yang hadir menggambarkan bahawa kursus tersebut telah berjaya. Mana tahu satu masa nanti di antara mereka kelak bakal lahir seorang professional dalam bidang suntingan video.



Skuad PKINK semasa raptai

# PKINK

## Menyertai Perarakan Hari KEMERDEKAAN YANG KE 50



Skuad PKINK dengan baju melayu berwarna hijau siap bersamping



Kapcai juga turut sama menyambut kemerdekaan yang ke 50


**P**KINK sekali lagi telah menyertai acara perbarisan sempena Hari Kemerdekaan yang ke 50 di Stadium Sultan Muhammad ke IV dalam ketogeri Badan Berkanun Negeri dan Kerajaan Tempatan.

Perbarisan bermula seawal jam 8.00 pagi dengan masing-masing pasukan mempamerkan berbagai corak dan bentuk pakaian disamping memperkemaskan langkah. PKINK masih mengekalkan pakaian baju melayu bersamping dan bersongkok serta berselempang dan bengkong, nampak gagah bergaya. PKINK menyertai perbarisan dengan kekuatan kontinjen seramai 35 peserta termasuk 3 pembawa bendera, 1 pembawa palikat dan ketua kontinjen En. Mazlan Mohd Ragam. Walaubagaimanapun PKINK tidak mampu mengekalkan kedudukan 3 terbaik. Johan Kategori Badan berkanun Negeri dan Kerajaan Tempatan jatuh kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam.

**S**empena meneruskan kempen bulan sembahyang yang dianjurkan oleh kerajaan Kelantan, PKINK telah menjemput Dr. Johari Mat Ketua Eksekutif Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) untuk menyampaikan ceramah. Permulaan ucapannya, Dr. Johari Mat memperingatkan betapa pentingnya tazkirah, yakni ingat mengingati antara satu sama lain, dengan kata lain saling tunjuk ajar.

Bumi dicipta dengan sifat Rahman dan Rahim Allah s.w.t., Semua makhlukNya mendapat apa yang dikatakan RahmanNya, iaitu pemurah dan hanya yang terpilih mendapat kasih sayangNya dengan sifat Rahim yakni penyayang. Allah menyayangi makhlukNya melebihi kasih sayang seorang ibu pada anaknya, kerana Allah mampu memberi

wuduk?, ingat kita sentiasa berada dalam keadaan hadas, samaada hadas kecil atau besar. Bila dalam keadaan tersebut sebelum mengadap Allah yang Maha Suci, kita perlulah mensucikan diri dahulu. Basuh muka, ini adalah kerana muka kita mempunyai mulut, mata dan hidung yang sentiasa bercakap-cakap, melihat dan menghidu perkara-perkara yang tidak berfaedah. Basuh kedua belah tangan, kerana tangan inilah yang selalunya mengambil perkara-perkara yang tak baik dan bukan haknya. Sapu air di kepala, ini kerana dikepala terdapat ubun-ubun yang mana roh akan dicabut melalui ubun-ubun. Akhirnya basuh kaki, kerana dengan kakilah kita pergi kemana sahaja, lebih-lebih lagi tempat yang tak baik. Manakala 2 perkara yang tidak kena air ialah niat dan tertib, tidak sempurna apa-apa perkara tanpa niat.



## Sambutan BULAN SEMBAHYANG PERINGKAT PKINK



Ketua Eksekutif menyampai buku khusyuk dalam solat kepada Timb. Ketua Eksekutif P&P

apa sahaja yang dipohon oleh makhlukNya, pohonlah apa sahaja dan insyaAllah Tuhan akan tunaikan, kerana doa ini adalah merupakan senjata orang-orang mukmin bahkan para rasul, nabi dan wali-wali Allah tak pernah berhenti berdoa kepada Allah swt.

Manusia adalah merupakan sebaik-baik ciptaan makhluk, jika dilihat pada penciptaan makhluk bumi, manusia dicipta dengan kepala di atas berbanding dengan binatang, belakang ke atas (yakni mengadap langit). Ini adalah kerana binatang hanyalah berfikir setakat perut sahaja, disamping sex berbanding manusia selain dari memikirkan dua perkara tersebut, ia lebih lagi dimana mereka akan berfikir tentang ketuhanan, alam sejagat dan perkara-perkara ghaib. Untuk apa manusia dicipta dan kemana selepas itu. Manusia dicipta semata-mata untuk berabdi kepada Allah, kerana manusia ada kehidupan lain selepas itu. Kehidupan manusia terikat dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan Allah swt. Sebab itu lah manusia perlu sembahyang untuk mengingati Allah, berpuasa untuk mencapai taqwa, mengeluarkan zakat bagi membersihkan diri dan harta serta menunaikan haji bagi menzahirkan pengorbanan kepada Allah.

Bagi mencapai khusyuk dalam solat, beberapa panduan di berikan:

1. Mengambil wuduk dengan sempurna. Mengapa perlu mengambil

2. Sembahyang di awal waktu, kerana dalam waktu sembahyang itu sendiri ada waktu utama (awal waktu) waktu sederhana, waktu akhir dan waktu tahrim (waktu haram)
3. Sembahyang berjemaah, kerana sembahyang berjemaah dapat mebataskan gangguan syaitan
4. Memahami makna dalam sembahyang
5. Anggaplah sembahyang kali ini merupakan sembahyang terakhir kita
6. Allah melihat setiap gerak geri, percakapan dan niat kita.

InsyaAllah sekiranya diikuti dengan betul jadilah solat kita solat yang diterima Allah. Pastikan setiap ajaran Allah direalisasikan ke dalam hidup kita, pasti kita akan jadi manusia yang cemerlang didunia dan mendapat reda Allah di akhirat.

Selepas berakhir sesi ceramah, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK menyampaikan cenderahati "Buku Khusyuk Dalam Solat" karangan Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan kepada semua anggota PKINK.



**S**eperti tahun-tahun sudah, PKINK melalui bahagian Pengurusan Sumber Manusia dengan kerjasama Biro Dakwah KSK PKINK akan merangka dan melaksanakan program-program sepanjang bulan Ramadhan.

Setiap awal pagi bacaan asma al-husna ataupun zikir munajat (secara bergilir-gilir) akan diperdengarkan di corong siar raya selama 15 minit dan akan diikuti dengan bacaan doa pagi. Tazkirah pagi selama 10 minit akan diperdengarkan oleh AJK Biro Dakwah setiap 2 kali seminggu secara bergilir-gilir. Tajuk yang dipilih ialah mengenai fadhilat puasa.

Pada 20 September 2007 bersamaan 8 Ramadhan 1428, satu

mendatangkan kebajikan.

Pada setiap minggu pada hari Isnin, program bermula seawal jam 11.00 pagi dengan mengerjakan solat sunat dhuha, tadarus al-Quran dan kuliah mingguan oleh Ustaz Ab. Aziz Yahya dari Pondok Geting, Tumpat.

Ceramah Nuzul Al-Quran pada 25 September 2007 oleh Ustaz Shaibon Ismail dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan.

Al-Quran ialah kalamullah (ucapan Allah) yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W melalui Jibrail A.S yang dapat pahala jika melihatnya apatah lagi membaca dan beramal dengannya. Al-Quran diturunkan ke

Tadarus Al-Quran & Iftar Jamaie Peringkat PKINK telah diadakan pada 25 September 2006. Di majlis tersebut juga di adakan tadarus al-Quran yang dipilih oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini, iaitu ayat 29 - 35 surah Al-Ahkaf dipimpin oleh Ustaz Nor Azariza bin Mohd Alawi dari Bahagian Dakwah Halaqat Kota Bharu. Surah Al-Ahkaf ini mengandungi 35 ayat dan diturunkan di Mekah, isi kandungan surah ini menceritakan mengenai penentangan orang-orang musyirikin terhadap dakwah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Di dalam ayat-ayat yang dibincang ini pula Allah SWT menceritakan mengenai sekumpulan jin yang datang mendengar Nabi Muhammad SAW membaca ayat-ayat al-Quran, mereka kemudiannya memeluk agama Islam dan pulang untuk

## PROGRAM IHYA RAMADHAN PKINK 1428/2007



Sumbangan hari raya kepada balu anggota PKINK



Sumbangan hari raya kepada anggota Kumpulan D



Sebelum berbuka puasa di adakan majlis tadarus al-Quran dipimpin oleh Ustaz Nor Azariza

ceramah bertajuk Ramadhan Bulan Sabar telah diadakan dan penceramah jemputan ialah Ustaz Hj. Hafiz Musa. Isi kandungannya menekankan kepada kelebihan bulan Ramadhan yang bukan hanya tertumpu kepada puasa sahaja, ianya disunatkan banyak mengerjakan sembahyang, membaca al-Quran, berzikir, bersedekah dan amalan-amalan lain. Pahala setiap kebajikan yang dilakukan berganda 700 kali berbanding dengan bulan-bulan biasa. Disini ditekankan kesabaran dibulan Ramadhan, sabar ketika mengerjakan ibadat puasa, sabar ketika berbuka puasa, sabar ketika mengerjakan solat sunat terawih dan lain-lain amalan yang

langit dunia pada 17 Ramadhan dari Luhmahfuz dan diturunkan kepada Rasulullah S.A.W selama 23 tahun secara beransur-ansur. Al-Quran mengandungi lebih 6,000 ayat (bergantung kepada cara membilangannya), 114 Surah dan 30 juzuz. Di dalam al-Quran mengandungi banyak sejarah-sejarah silam mengenai kisah-kisah nabi dan orang-orang yang terdahulu, ada petunjuk-petunjuk yang boleh dijadikan panduan dan ada hukum-hukum yang perlu dipatuhi. Barangsiapa yang beramal dengan al-Quran, insyaAllah akan selamat dunia dan akhirat

menyeru kaum mereka supaya menerima agama Islam.

Selain program-program di atas, beberapa sumbangan derma dalam bentuk tunai dan barangan dilakukan untuk anggota-anggota Kumpulan D, anggota-anggota yang mempunyai anak kurang upaya, balu-balu anggota PKINK dan juga rakyat miskin yang memerlukan bantuan. Sumbangan hamper hari raya kepada semua anggota PKINK juga akan diberi beberapa hari sebelum Hari Raya.

# Kejohanan Kerom Jemputan

**PIALA KETUA EKSEKUTIF PKINK 2007**

**JULAI 2007/29 JAMADILAKHIR 1428**

**(SABTU)**

BILIK REKR

## KEJOHANAN KEROM JEMPUTAN PIALA KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PKINK 2007

Kejohanan Kerom Jemputan Ketua Eksekutif PKINK 2007 dijuarai oleh pasukan KADA 'A' dan naib juara PKINK 'A'

**K**ota Bharu, 14 Julai 2007 PKINK telah menganjurkan Kejohanan Kerom Jemputan Piala Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK 2007 bertempat di Tingkat 6 dan di Tingkat 10 Bangunan PKINK. Kejohanan dalam acara berpasukan ini pertama kali dianjurkan oleh PKINK, yang mana sebelum ini kejohanan tersebut diadakan dalam acara perseorangan dan beregu. Seramai 19 pasukan jemputan telah menyertai kejohanan tersebut yang bermula seawal jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 11.00 malam.

Kejohanan kali ini menawarkan hadiah kesemuanya berjumlah RM2,900.00 dalam bentuk barangan dan hamper. Pasukan KADA 'A' telah muncul juara dengan mengalahkan pasukan PKINK 'A' di perlawanan akhir, manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Hotel Perdana Sdn Bhd dan tempat keempat pasukan KWSP 'A. For-

mat perlawanan adalah dalam acara 3 beregu terbuka bagi setiap pasukan. Hadiah disediakan kepada 8 pasukan yang layak ke suku akhir, manakala cenderahati penyertaan diberi kepada semua pasukan yang terlibat.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK. Dalam ucapan ringkasnya Ketua Eksekutif PKINK berharap agar penyertaan untuk tahun-tahun hadapan dapat diperluaskan lagi, kerana permainan kerom adalah merupakan permainan yang kurang popular di Kelantan, dan ini adalah salah satu langkah PKINK didalam mempopularkan permainan tersebut. Melalui kejohanan ini anggota setiap jabatan akan dapat lebih mengenali antara satu sama lain, disamping dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam permainan kerom.



## BOLASEPAK PERSAHABATAN PENGURUSAN PKINK DAN MBKB-BRI

**P**KINK telah menganjurkan perlawanan bolasepak persahabatan antara pegawai-pegawai PKINK dan pegawai-pegawai MPKB-BRI pada 11 September 2007 bertempat di Padang Perdana, Kota Bharu. Kejohanan yang

diadakan mulai 9.00 malam itu menyaksikan satu perlawanan persahabatan yang sungguh menarik dalam suasana yang mesra.

Pasukan PKINK yang dianggotai anggota pengurusan turut di sertai YB Dato' Haji Wan Ab. Rahim Wan Abdullah, Speaker DUN Kelantan, manakala pasukan MPKB-BRI Islam terdiri dari anggota pengurusan dan Ahli Majlis MPKB-BRI.

Walaupun pasukan PKINK telah mendahului 2-0 pada separuh masa pertama, pasukan MPKB-BRI tidak putus

asa, mereka bermain dengan penuh semangat sehingga berkesudahan dengan seri 3-3. Cenderahati kepada semua pemain telah disampaikan oleh YBrs. Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir, Timbalan Ketua Eksekutif HEK PKINK.

## JASAMU DIKENANG

### HJ. MOHAMMAD NAIM MAMAT - BERSARA WAJIB PADA 8 JULAI 2007

Bermula sebagai Pegawai Tadbir Negeri Kelantan pada 17.6.1978, Tuan Haji Mohammad Naim Mamat telah memilih untuk terus berkhidmat dengan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan apabila tempuh pinjaman ke PKINK tamat pada 16.6.1996 setelah mendapat pelepasan jawatan dengan izin. Beliau mula dipinjamkan ke PKINK pada 1.11.1993 sebagai Pengurus Pertanian.

Pada 1.1.2000, beliau telah dipinjamkan kepada Darulnaim Agro Management Industries Sdn Bhd selama 2 tahun, sebagai Pengurus Syarikat. Walaubagaimanapun tempuh tersebut ditamatkan pada 15.7.2001 dan beliau di pinjamkan kepada Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad berkuasa 16.7.2001 selama 2 tahun. Perkhidmatan beliau di KPKB berakhir sehingga 2.9.2006 apabila di panggil pulang ke Ibu Pejabat dan ditempatkan sebagai Pengurus Perdagangan Antarabangsa. Beliau telah bersara wajib pada 8.7.2007 dengan gred N48 selepas berkhidmat selama 29 tahun 21 hari dengan Kerajaan Negeri Kelantan termasuk 10 tahun 9 bulan 22 hari dengan PKINK.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya dengan kerajaan, beliau telah dikurniakan dengan Pingat Kemahkotaan pada tahun 1981, Darjah Kebesaran (Ahli) Setia Mahkota Kelantan (A.S.K.) pada 1989 dan Darjah B.S.K. pada tahun 1994.



### MOHD KHARANI MD. SALLEH - BERSARA WAJIB PADA 9 OGOS 2007

Setelah berkhidmat dengan Perbadanan selama 33 tahun 3 bulan 7 hari, En. Mohd Kharani @ Mohd Rafi b. Md. Salleh terpaksa meninggalkan PKINK apabila telah bersara wajib pada 9.8.2007.

Bermula sebagai pegawai kerani di Bahagian Perancang PKINK pada 1.5.1974 dan kemudiannya pada awal tahun 1975 ditukar ke Bahagian Kewangan. Pada tahun 1990 beliau telah dipinjamkan ke Syarikat Prokel Management Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik PKINK selama tempuh 2 tahun. Selepas 2 tahun perkhidmatan, tempuh pinjaman dilanjutkan lagi selama 2 tahun, sehinggalah April 1994 di panggil balik ke Ibu Pejabat dan berkhidmat di Bahagian Sumber Manusia.

Pada 1.8.1995 beliau telah dipinjamkan ke Kelrest Holding Bhd selama 2 tahun sebagai Pegawai Tadbir. Walaubagaimanapun perkhidmatan beliau disambung lagi sehingga 16.6.1999 dan mulai dari ini beliau berkhidmat di Bahagian Kewangan.

Kemudiannya pada 1.1.2001 beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Kerani Kanan dan ditempatkan di Bahagian Sumber Manusia.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya dengan Perbadanan, beliau pernah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada tahun 2005 dan dikurniakan Pingat Taat pada tahun 2002.



### MOHD HIZAM HAMZAH - BERSARA PILIHAN PADA 1 MEI 2007

Setelah berkhidmat dengan PKINK selama 22 tahun 8 bulan dan 16 hari, Mohd Hizam Hamzah telah memilih untuk bersara awal bagi memenuhi cita-citanya yang ingin menjadi seorang pengajar. Mula berkhidmat dengan PKINK pada 15.8.1984 sebagai Penolong Akauntan dan ditempatkan di Bahagian Akaun.

Beliau pernah dipinjamkan ke Syarikat Kelkon Sdn Bhd pada 1.11.1984 selama 1 tahun, dan sekembalinya ke Ibu Pejabat di tempatkan di Bahagian Audit dan Naziran. Bagi memenuhi hasratnya, maka beliau telah memilih untuk bersara awal pada usia 50 tahun pada 1 Mei 2007.



### NAZUMI MD. ARUS - BERSARA PILIHAN PADA 1 JUN 2007

Nazumi Md. Arus telah memilih untuk bersara awal, apabila membuat keputusan mengikut suaminya yang telah ditukarkan ke Kuala Lumpur. Perkhidmatan beliau bermula sebagai Pembantu Tadbir pada 1.6.1979 dan kemudiannya bertukar jawatan sebagai Operator Komputer pada 1.11.1983. Bermula 6.2.1995 beliau telah diberi tanggungan kerja sebagai Pengatur Program Komputer sehinggalah ditamatkan pada 1.10.1988. Sekali lagi pada 1.1.2001 beliau diberi tanggung kerja sebagai pengatur Program Komputer sehinggalah beliau membuat keputusan bercuti tanpa gaji mulai 1.10.2007 sehinggalah mengambil keputusan untuk bersara awal bermula 1.6.2007 Beliau telah berkhidmat dengan PKINK selama 28 tahun



**P**ada 20 Ogos lalu, rombongan PKINK diketuai oleh Ketua Eksekutif PKINK telah mengadakan lawatan ke Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO). Anggota rombongan disambut oleh Pengurus Besar Kumpulan SEDCO iaitu En Maisuri bin Besri dan Pengurus Pembangunan Perniagaan iaitu En Jani Hj Isa. Ahli rombongan telah dipersembahkan dengan tayangan video korporat serta taklimat ringkas oleh Pengurus Besar, satu perbincangan telah menyusul dimana kedua-dua agensi bertukar-tukar maklumat berhubung penyusunan aktiviti sebagai sebuah perbadanan induk serta masalah-masalah yang dikongsi bersama.

franchise pertama ar-rahn untuk seluruh negara. Pada masa ini Ar-Rahn mempunyai sebelas cawangan di Kelantan dan satu cawangan akan dibuka di Kuala Lumpur dalam masa terdekat ini. Dalam tahun 2006 sahaja, sebanyak RM90 juta pinjaman telah dikeluarkan oleh cawangan-cawangan Ar-Rahn.

Menurut ARZ, pada masa ini kesemua kedai pajagadai di Sabah adalah berasaskan sistem konvensional sedangkan 80% penggadai adalah Bumiputera Muslim. ARZ amat tertarik dengan sistem Ar-Rahn kerana caj semasanya iaitu upah simpan yang

Adalah diharapkan, kewujudan Ar-Rahn diseluruh negara melalui kaedah franchise ini akan menjadi alternatif mikro kredit utama bagi masyarakat Islam dan bukan-Islam di negara ini dan membebaskan mereka dari belenggu riba dan sindiket along.

#### Lawatan ke Pojek Lembu Tenusu Feedlot di Keningau

Pada 21 Ogos 2002, rombongan PKINK telah mengadakan lawatan kerja ke Keningau bagi meninjau projek lembu tenusu secara feedlot skala besar yang diusahakan oleh En. Yap Yun Fook. Perjalanan ke Keningau



## PENGURUSAN PKINK LAWAT SEDCO

#### Majlis Menandatangani Franchise MOU untuk Sistem Gadaian Islam Ar-Rahn

Pada petang 20 Ogos 2007, satu majlis menandatangani Franchise MOU untuk Sistem Gadaian Islam Ar-Rahn telah diadakan di antara Permodalan Kelantan Berhad dengan ARZ Resources Sdn Bhd, sebuah syarikat Bumiputera dibawah payung SEDCO. Perbincangan antara kedua syarikat ini diselaraskan oleh En AM Yusof Ab Razak, iaitu Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) SEDCO. Majlis ini diadakan di Bangunan Ibupejabat SEDCO dan turut disaksikan oleh Pengurus Besar Kumpulan SEDCO.

PKB telah mendapat kelulusan dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam bulan Mac 2007 untuk mengembangkan operasinya secara franchise dan ARZ merupakan pemegang

minima serta kaedah lelongan yang tidak membebankan dan menganiaya peminjam. Cawangan pertama untuk franchisee ini ialah di Tawau dimana ekonomi masih dipegang oleh Bumiputera dan ianya akan dikembangkan ke Lahad Datu dan Kota Kinabalu.



Lawatan ke Pojek Lembu Tenusu Feedlot di Keningau

memakan masa 2 jam setengah dari Kota Kinabalu, melalui Banjaran Crocker yang merupakan banjaran kedua tertinggi di Sabah selepas Mount Kinabalu.

Pada masa ini En Yap mengusahakan ternakan berjumlah 200 ekor di kawasan rumah beliau dengan tanaman rumput seluas 40 hektar. Lembu-lembu tersebut mengeluarkan 3,000 liter sehari, yang mengatasi pengeluaran tenusu untuk seluruh negeri Kelantan. Pengeluaran setahun adalah hampir 1 juta liter, atau 11% dari keluaran seluruh negeri Sabah. Pada harga susu semasa iaitu RM1.50 seliter, ini mendatangkan perolehan RM4,500 sehari sedangkan kos makanan lembu-lembu tersebut hanyalah RM1,000 sehari.